



KETUA PENGARAH
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
ARAS 18, KOMPLEKS KEMENTERIAN PENERANGAN,
KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN,
NO.49, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA



JABATAN
PENERANGAN
MALAYSIA

Tel: 03-8911 3440/3442 Faks: 03-8911 7599 E-mail: ibrahim@inform.gov.my <http://www.penerangan.gov.my>

UNTUK SIARAN SEGERA

18 Februari 2013

KENYATAAN AKHBAR DATO' HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN KETUA PENGARAH PENERANGAN MALAYSIA

PENAFIAN MENGENAI PENYIARAN KENYATAAN PERLETAKAN JAWATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA DI DALAM SISTEM E-AKHBAR DAN E-PRESS MILIK JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Kenyataan akhbar ini untuk menjelaskan bahawa Jabatan Penerangan Malaysia sama sekali tidak pernah mengeluarkan apa-apa kenyataan berhubung perletakan jawatan Perdana Menteri Malaysia sepertimana yang telah dipetik dan tersebar di beberapa laman media sosial yang disedari pada pagi 18 Februari 2013.

Penafian ini dibuat susulan daripada sistem e-Akhbar dan e-Press milik Jabatan Penerangan Malaysia yang disyaki telah digodam dengan penyiaran dua kenyataan seperti berikut:


- a) Sistem e-Akhbar :
 - i) Memo Permohonan Rakyat Malaysia
 - ii) PM secara rasminya meletak jawatan

b) Sistem e-Press:

i) Memo Permohonan Rakyat Malaysia

Jabatan Penerangan Malaysia telah mengambil tindakan awal dengan memadamkan kenyataan palsu tersebut daripada kedua-dua sistem tersebut. Tindakan awal ini adalah bagi mengelakkan sebarang penyebaran oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan seterusnya menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat. Satu siasatan dalaman mengenai perkara ini sedang dibuat oleh Jabatan Penerangan Malaysia.

Satu laporan polis juga akan dibuat mengenai perkara ini dan Jabatan Penerangan Malaysia menyerahkan perkara ini kepada pihak polis untuk siasatan lanjut



DATO' HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN

18/2/13